

TR 1:10:72

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA  
PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN  
MEMBACA AL-QURAN ANGKATAN TENTERA  
DI STADIUM ANGKATAN TENTERA, JALAN  
PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR PADA  
20HB OKTOBER, 1972

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saudara-saudara sekalian,

Syukur Alhamdulillah, dengan izin Allah kita dapat menyambung usaha suci mengadakan Peraduan Membaca Al-Quran dan Berzanji di kalangan anggota angkatan tentera.

Pada kesempatan ini, sukalah saya menyatakan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang berkenaan kerana usaha dan penat lelah mereka mengaturkan Peraduan ini dari peringkat batalian hingga sampai pada kemuncaknya. Begitu pula saya sangat berterimakasih atas kehormatan yang diberi untuk saya menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang yang telah berjaya.

Saudara-saudara,

Sebagai umat Islam adalah menjadi kewajipan bagi setiap kita mengerjakan suruhan Allah dengan penuh taqwa. Lebih-lebih pula dalam bulan Ramadhan yang mubarak ini, patutlah kita melebihkan amalan yang saleh. Kecuali mereka yang menjalankan tugas-tugas atau pun melakukan gerakan berat di kawasan sempadan, saya fikir sayugialah kita menjunjung tinggi ajaran yang dikehendaki oleh ugama Islam dan berusaha menjadi seorang Islam yang sempurna dan taat kepada Tuhan.

Tahun ini saya telah pun mengarahkan supaya waktu bekerja di pejabat-pejabat Kerajaan kekal seperti biasa dan tidak ada lagi waktu bekerja Bulan Puasa seperti di masa yang sudah-sudah. Peraturan ini mendapat sambutan baik serta penuh pengertian dari semua Kerajaan Negeri dan saya sungguh berterimakasih atas kerjasama yang diberikan mereka dalam hal ini.

Saya rasa soal yang ditimbulkan oleh setengah-tengah pihak seperti CUEPACS yang berpendapat seolah-oleh Kerajaan tidak menghormati Islam sebagai agama rasmi tidaklah timbul. Kita tetap menghormati agama akan tetapi jentera pentadbiran negara mestilah berjalan terus, terutama sekali semasa kita melakukan pembangunan dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua ini. Sayugia diingat bahawa usaha untuk membangun bangsa dan negara selain dari merupakan kewajipan kebangsaan juga merupakan kewajipan agama. Sambil kita menjalankan kehendak-kehendak dan hukum-hukum Allah untuk bekalan kita di akhirat, mustahak kita bersama-sama giat berusaha untuk kebahagiaan hidup di dunia.

Saudara-saudara,

Saya sungguh berpuas hati dengan adanya sikap baru di kalangan anggota angkatan tentera kita hari ini. Khususnya berhubung dengan Amanah Saham Angkatan Tentera<sup>1</sup> yang dilancarkan untuk mereka tidak lama dulu, saya mendapat tahu sambutan pada amnya sangat baik dan ini sudah tentu akan menjamin hari depan yang cerah untuk mereka sendiri dan juga keluarga mereka. Saya berharap mereka yang belum membuat satu-satu keputusan akan berbuat demikian dengan segera menurut tauladan rakan-rakan mereka itu.

Di samping perubahan atas tingkatan gaji untuk uniformed personnel, Kerajaan sedang juga menimbangkan kedudukan Nazir-nazir Ugama Angkatan Tentera dan Guru-guru Ugama Tentera. Memang sudah sepatutnya mereka mendapat perhatian dalam hal ini dan saya harap pelaksanaan tangga gaji yang baik bagi mereka akan dapat dibuat seberapa segera.

Saudara-saudara,

Berbalik semula kepada Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran ini, kita semua maklum bahawa tidak berapa hari lagi akan bermula Pertandingan pada peringkat kebangsaan dan akan disusul dengan Pertandingan pada Peringkat Antarabangsa. Berkat usaha keras pihak-pihak yang saya tugaskan untuk menyelenggarakan Pertandingan tahun ini, saya sukacita menyatakan sambutan dari negara-negara sahabat adalah lebih dari yang sudah-sudah. Antara lain-lain saya suka menyebut sebuah

---

<sup>1</sup> Amanah Saham Angkatan Tentera telah dilancarkan pada 14hb Ogos, 1972.

negara sosialis yang ramai penduduk Islamnya iaitu Yugoslavia telah pun menyatakan kesudian untuk turut serta dalam Pertandingan tahun ini. Kehadiran negara-negara sahabat yang baru itu patutlah kita alu-alukan.

Tidak syak lagi, usaha-usaha yang kita jalankan untuk meningkatkan syiar Islam adalah memberikan imej yang lebih baik bagi negara kita Malaysia. Tetapi yang lebih penting daripada itu ialah hakikat bahawa dalam melakukan pembangunan, membangun bangsa dan memberikan kemakmuran kepada rakyat, kita tidak ketinggalan membangun bidang rohani atau spiritual development dan dengan demikian membangun manusia Malaysia baru yang lengkap dan sempurna.

Adalah penting dalam peringkat pembangunan yang berlangsung sekarang ini, kita meletakkan perhatian yang sama berat kepada kedua-dua bidang material dan spiritual itu supaya terdapat perseimbangan pemenang-pemenang pada tahun ini dan seterusnya menggesa supaya mereka terus membaiki mutu pembacaan mereka. Begitu juga tahniah saya kepada Jawatankuasa di bawah Jeneral Wan Ismail yang telah mengaturkan majlis yang meriah serta gilang gemilang untuk meraikan peristiwa ini dan memberikan kebesaran kepada kitab suci Al-Quran dan Bulan Ramadhan yang mulia ini.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.